

Pengaruh gaya keibubapaan terhadap konsep sendiri dalam kalangan remaja di Sabah

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk mengkaji pengaruh gaya keibubapaan terhadap konsep sendiri dalam kalangan remaja. Kajian ini telah dijalankan di sekitar kawasan Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah yang melibatkan seramai 60 orang remaja. Soal selidik 'Parental Authority Questionnaire' (PAQ) oleh Buri, (1991) dan 'Tennessee Self-Concept Scale' (TSCS) oleh Fitts dan Warren, (1996) telah digunakan dalam kajian ini. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan Ujian-t bebas dan Regresi mudah melalui program SPSS V 21. Keputusan data analisis menunjukkan bahawa jantina tidak memainkan peranan yang penting terhadap gaya keibubapaan yang memungkinkan pengaruh terhadap konsep sendiri remaja. Sebaliknya, hasil kajian menunjukkan bahawa gaya keibubapaan jenis authoritarian mempunyai pengaruh terhadap konsep sendiri dari aspek etika dan moral remaja. Penegasan yang dikenakan ke atas remaja tanpa mengira jantina didapati mampu untuk menghalang mereka dari terus terjerumus ke dalam kancah sosial yang akan mendatangkan masalah kepada mereka dan juga ibubapa.